



PARA pemenang bergambar bersama Timbalan Dekan Fakulti Pengurusan dan Pemasaran UMT, Dr. Mohamad Saladin Muda (dua dari kanan) di Kuala Terengganu, Terengganu.



ANTARA persembahan pelajar pada Malam Anugerah Iklan dan Dokumentari Terbaik anjuran Fakulti Pengurusan dan Pemasaran UMT.

# Anugerah penuh gemilang

*Kosmo 01/04/08 pg. 28*

Antara objektif program adalah untuk mencungkil bakat dalam penghasilan filem dan dokumentari pengiklanan serta mempelbagaikan kemahiran pelajar.

Oleh **MANIRAH OTHMAN**  
manirah.othman@kosmo.com.my

**W**ALAU PUN ia hanya majlis anugerah anjuran sebuah fakulti universiti, namun suasana meriah dan kegemilangannya setanding majlis bertaraf nasional.

Bunyi paluan kompang dan gaya penyambut tetamu berpakaian tradisional menyambut ketibaan tetamu di Dewan Sultan Mizan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Kuala Terengganu, cukup menceritakan betapa ia bukan majlis biasa.

Melangkah ke dewan yang biasanya menjadi tempat konvokesyen, lagu *Negaraku* berkumandang sebelum tarian pembukaan dipersembahkan oleh sekumpulan pelajar universiti ini.

Melihatkan tata hias pentas menggunakan lukisan

krayon serta hiasan lain yang agak sederhana, ia membantu menaikkan *mood* majlis tersebut.

Begitulah suasana Malam Anugerah Iklan dan Dokumentari Terbaik anjuran Fakulti Pengurusan dan Pemasaran (Maid) UMT 2008 yang diadakan buat pertama kali di universiti itu baru-baru ini.

Acara dimulakan dengan ucapan Dekan Fakulti, Profesor Shukery Mohamed sebelum drama simbolik perasmian yang kreatif dipertontonkan.

Di dalam ucapannya, Shukery membandingkan anugerah yang julung-julung kali diadakan ini dengan acara anugerah yang sudah masyhur seperti Anugerah Industri Muzik.

Inilah juga yang dirasakan penulis tatkala melihat kesungguhan pelajar tahun akhir kursus ini dalam menganjurkan majlis yang berkonsepkan anugerah gemilang.

Satu lagi usaha pelajar untuk menghangatkan suasana ialah mempersembahkan drama simbolik perasmian yang mendapat tepukan gemuruh penonton.

Mungkin bagi acara berprestij lain, orang ramai pasti tidak hairan jika mendapat sambutan se-

dokumentari yang dihasilkan serta majlis anugerah tersebut yang meliputi anugerah untuk dokumentari terbaik, pembungkusan, akhbar dan iklan multimedia terbaik.

Sementara itu, hadiah kemuncak ialah Anugerah Khas bagi Penyampaian Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan yang diberikan kepada hasil projek terbaik kedua-dua jabatan.

"Kumpulan saya merupakan kumpulan pertama pelajar tahun akhir Jabatan Pemasaran dan Jabatan Ekonomi menjayakan anugerah ini.

"Biarpun pada mulanya, ia bukan sesuatu yang senang untuk dilaksanakan, namun dengan bantuan kira-kira 60 orang ahli jawatankuasa, ia dapat dilangsungkan.

"Walaupun seboleh-bolehnya kami tidak mahu sebarang kecacatan pada majlis ini, namun ia masih tetap berlaku," katanya yang menganggap kesilapan-kesilapan itu sebagai pengajaran untuk mereka.

Mengulas lanjut, katanya, antara objektif program adalah untuk mencungkil bakat pelajar da-

## Iklan yang memenangi anugerah:

Anugerah khas bagi penyampaian Iklan Multimedia Terbaik Keseluruhan – Nokia

Anugerah Dokumentari Terbaik (Jabatan Pemasaran) – Pembaziran PTPTN

Anugerah Pembungkusan Terbaik (Jabatan Ekonomi) – Dara Inn (penginapan)